

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 6 APRIL 2017 (KHAMIS)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Graduates must move towards technopreneurship in challenging era – Madius	BERNAMA
2.	Siswazah perlu bergerak ke arah teknokeusahawanan – Madius	BERNAMA
3.	MRSM Kem Terendak terbaik	Harian Metro
4.	Laporan kimia kes dakwaan rogol warga Thailand seminggu lagi – Polis	BERNAMA
5.	Ribut petir diramal berterusan awal pagi esok	BERNAMA
6.	Ribut petir diramal berterusan hingga awal pagi	Utusan Malaysia



Graduates Must Move Towards Technopreneurship In Challenging Era - Madius



SERI ISKANDAR, April 5 (Bernama) -- Graduates have to move towards technopreneurship and need to be equipped with the requisite knowledge as well as skills, said **Minister of Science, Technology and Innovation Datuk Seri Madius Tangau.**

He said the culture of innovation and entrepreneurship should be cultivated in the new generation, especially graduates in the

current challenging era.

"As technopreneurship, merging technology prowess and entrepreneurial skills are the real source of power in knowledge based economy.

"We need to get job creators to use technological innovations and translate such technology into product or services and we can get in Universiti Teknologi Petronas (UTP)," he said.

Madius said this when officiating Technology, Education and Career (TEC 2017) in conjunction with UTP's 20th anniversary here today. Also present was UTP's vice chancellor Datuk Dr Abdul Rahim Hashim.

Madius noted there has been a rising entrepreneurial spirit in which more people ventured in startup activity that brought to a change in thinking as well as behave in business, community and country.

"This I believe will not only contribute to technopreneurship development but also facilitate the commercialization of research and development.

"It engages young intellects and researchers and contributes in fueling Malaysia's human resource base as we progress towards a high income developed nation by 2020," he said.

Madius also witnessed UTP's students' attempt to set their name in the Malaysia Book of Records for the longest great ball contraption machine.

Fifty-two students from Chemical Engineering, Mechanical Engineering and Civil Engineering besides Computer and Information were involved in the making of the 21.6-metre high machine.

The certificate of recognition was handed over by MBOR representative Nurasyikin Ramli to Abdul Rahim and it would be display for public from tomorrow until Sunday.

-- BERNAMA



Siswazah Perlu Bergerak Ke Arah Teknokeusahawanan - Madius

SERI ISKANDAR, 5 April (Bernama) -- Siswazah kini perlu bergerak ke arah teknokeusahawanan serta melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran yang yang sewajarnya, kata **Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Madius Tangau**.

Beliau berkata, pada era mencabar ini, budaya inovasi dan keusahawanan perlu dipupuk dalam diri generasi baharu, terutama siswazah.

Katanya, teknokeusahawanan menggabungkan kecekapan dalam bidang teknologi dengan kemahiran mengenai keusahawanan, yang menjadi sumber kekuatan bagi ekonomi berasaskan pengetahuan.

"Pencipta pekerjaan perlu menggunakan inovasi teknologi serta menterjemah teknologi itu menjadi produk atau perkhidmatan dan kita boleh mendapatinya di Universiti Teknologi Petronas (UTP) ini," kata beliau.

Madius berkata demikian ketika merasmikan Karnival Teknologi, Pendidikan dan Kerjaya 2017 (TEC 2017) bersempena sambutan ulang tahun ke-20 UTP di sini hari ini. Turut hadir, naib canselor UTP Datuk Dr Abdul Rahim Hashim.

Madius berkata semangat keusahawanan kini semakin meningkat dan ini terbukti apabila semakin banyak orang menceburi aktiviti permulaan yang membawa perubahan kepada pemikiran serta tingkah laku dalam perniagaan, masyarakat dan negara.

"Saya percaya, ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pembangunan teknokeusahawanan, tetapi juga memudahkan pengkomersialan penyelidikan dan pembangunan.

Ia melibatkan intelek dan penyelidik muda serta menyumbang kepada pemantapan asas sumber manusia Malaysia dalam kita menuju ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020," katanya.

Madius juga menyaksikan cubaan pelajar UTP untuk mengukir nama dalam Malaysia Book of Records (MBOR) bagi penciptaan "great ball contraption machine" terpanjang.

Lima puluh dua pelajar dari jurusan Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal, Kejuruteraan Sivil dan Komputer dan Maklumat terlibat dalam penciptaan mesin setinggi 21.6 meter itu.

Sijil pengiktirafan disampaikan wakil MBOR, Nurasyikin Ramli kepada Abdul Rahim dan mesin itu akan dipamer kepada orang ramai mulai esok hingga Ahad ini.

-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (TENGAH) : MUKA SURAT 42
TARIKH: 06 APRIL 2017 (KHAMIS)



DR Abu Bakar (dua dari kiri) beramah mesra dengan pemenang Juara Keseluruhan SCITECH2017.

MRSM Kem Terendak terbaik

Shah Alam: Berkorban masa dan wang saku sendiri bagi menyertai pertandingan 'Science Technology Education Festival' (SCITECH2017) akhirnya berhasil buat pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Kem Terendak, Melaka apabila muncul juara keseluruhan dalam pertandingan itu, kelmarin.

SCITECH2017 anjuran Jabatan Sains, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Mara (UiTM) membabitkan penyertaan 25 sekolah menengah dari seluruh negara.

Ketua kumpulan MRSM Kem Terendak, Mohamad

Amirul Isyraf Mohd Ikram, 16, berkata, mereka mengharapkan kemenangan selepas memberi perhatian sepenuh masa termasuk menggunakan wang saku sendiri melakukan persediaan sebelum pertandingan.

"Kami mengambil masa dua minggu berlatih bagi semua kategori dipertandingkan antaranya pertandingan roket air, kapal terbang kertas, kereta dan bot solar, drama sains serta pameran, pertandingan reka cipta dan inovasi.

"Walaupun kami dari sekolah sains, namun latihan

serta penyelidikan perlu dilakukan bagi mengaplikasikan konsep serta elemen sains dalam kategori yang dipertandingkan," katanya ketika ditemui selepas Majlis Penutup di UiTM, di sini.

Majlis dirasmikan **Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Wira Dr Abu Bakar Mohamad Diah.**

Hadir sama, Ketua Penyelaras Science To Action (S2A) UiTM Profesor Datuk Dr Abu Bakar Abdul Majeed.

Dengan kemenangan itu, MRSM Kem Terendak membawa pulang wang tunai RM3,000 dan piala pusingan.



Laporan Kimia Kes Dakwaan Rogol Warga Thailand Seminggu Lagi - Polis

MELAKA, 5 April (Bernama) -- Laporan ujian kimia bagi kes wanita Thailand yang didakwa dirogol di Depot Tahanan Imigresen Machap Umboo di Alor Gajah bulan lepas dijangka diperoleh dalam tempoh seminggu lagi, kata Ketua Polis Melaka, Datuk Abd Jalil Hassan.

Beliau berkata bahan bukti bagi kes tersebut telah dihantar ke **Jabatan Kimia** dua minggu lepas dan laporan keputusan ujian berkenaan akan dirujuk ke Bukit Aman untuk tindakan lanjut.

"Kita telah merujuk kertas siasatan kes ini pada pendakwa raya di Bukit Aman sama ada siasatan kes ini akan diteruskan atau tidak, tetapi yang lebih penting adalah keputusan laporan kimia tersebut.

"Laporan berkenaan penting sebagai pembuktian nyata sekiranya terdapat unsur jenayah dalam kes ini," katanya kepada pemberita selepas perhimpunan bulanan di sini hari ini.

Pada 22 Mac lepas akhbar tempatan melaporkan seorang wanita warga Thailand mendakwa kakaknya dirogol seorang anggota Jabatan Imigresen Melaka ketika proses rakaman percakapan di depot berkenaan awal bulan lepas.

Pada 27 Mac lepas, media melaporkan wanita Thailand yang mendakwa dirogol itu memberitahu wakil Kedutaan Diraja Thailand di Malaysia yang menemuinya, insiden tersebut tidak berlaku.

Mengulas lanjut, Abd Jalil berkata tindakan terhadap wanita berkenaan juga boleh diambil sekiranya dia didapati membuat laporan palsu terhadap kakitangan awam.

"Ini semua kita akan tunggu hasil siasatan yang lebih terperinci selepas kita mendapat keputusan daripada ibu pejabat pendakwaan di Bukit Aman," katanya.

Ditanya tentang kenyataan Anggota Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya bahawa perkahwinan antara mangsa rogol bawah umur dengan perogolnya mungkin boleh mengubati masalah sosial, Abd Jalil berkata tindakan terhadap perogol khasnya melibatkan mangsa di bawah umur tetap akan diambil di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

"Kita mempunyai undang-undang sedia ada bagi melindungi mangsa rogol di bawah umur walaupun mereka melakukannya suka sama suka atau laporan polis yang dibuat

ditarik balik. Walaupun kanak-kanak berkenaan berkahwin dengan perogolnya, lelaki tersebut tetap akan dikenakan tindakan," katanya.

Dalam perkembangan lain, katanya indeks jenayah negeri Melaka meningkat sebanyak 27 kes dalam tempoh Jan hingga Mac tahun ini berbanding 815 kes dalam tempoh sama tahun lepas.

"Walaupun statistik jenayah indeks meningkat dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini, namun kes bagi bulan Mac menurun sebanyak 29 kes kepada 195 kes. Polis Melaka juga berjaya menyelesaikan sebanyak 438 kes atau 53.74 peratus dalam tempoh tiga bulan pertama tahun ini," katanya.

-- BERNAMA



Ribut Petir Diramal Berterusan Hingga Awal Pagi Esok

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Ribut petir di perairan Sarawak (Bintulu dan Miri) Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (pedalaman dan Pantai Barat) diramal berterusan sehingga awal pagi esok.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, angin kencang berkelajuan sehingga 50 kilometer sejam (km/j) dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Keadaan serupa diramal berlaku di Reef North, Reef South dan Labuan, menurut kenyataan itu.

-- BERNAMA



Ribut petir diramal berterusan hingga awal pagi

KUALA LUMPUR 5 April - Ribut petir di perairan Sarawak (Bintulu dan Miri) Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah (pedalaman dan Pantai Barat) diramal berterusan sehingga awal pagi esok.

Menurut kenyataan **Jabatan Meteorologi Malaysia** hari ini, angin kencang berkelajuan sehingga 50 kilometer sejam (km/j) dengan ketinggian ombak sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot-bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Keadaan serupa diramal berlaku di Reef North, Reef South dan Labuan, menurut kenyataan itu. -BERNAMA